

# JCorp lancar wakaf saham awam

Biayai naik taraf dan baik pulih Terminal Pengangkutan dan Pasar Awam Larkin Sentral

MOHD FIRDAUS YON

**JOHORBAHRU** - Johor Corporation (JCorp) melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad melancarkan Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral.

Pengerusi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia bagi membiayai pembangunan naik taraf dan baik pulih bangunan Terminal Pengangkutan dan Pasar Awam Larkin Sentral melibatkan kos sebanyak RM85 juta.

"Pelancaran ini adalah satu detik yang boleh dianggap bersejarah kepada negara kerana ia adalah pelancaran wakaf saham tawaran awam pertama yang dilaksanakan di dunia.

"Ia melibatkan penawaran saham oleh Larkin Sentral Property Berhad kepada institusi dan orang awam yang mana kemudiannya mewakafkan kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad melalui

saranan Islam mengenai Wakaf," katanya pada Majlis Pelancaran Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral dan Santapan Berbuka Puasa Johor Corporation di Persada Johor, di sini, semalam.

Berangkat hadir menyempurnakan pelancaran tersebut adalah Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim selaku wakil rasmi Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Turut berangkat hadir, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Sultan Ibrahim.

Hadir sama, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abd Rahim Ramli, Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Azmi Rohani serta Presiden & Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Mohamed Khaled berkata, semua prospektus wakaf saham itu



Tunku Idris Iskandar berkenan menyempurnakan pelancaran Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral sambil disaksikan Mohamed Khaled.

didaftarkan di Suruhanjaya Sekuriti (SC) agar segala proses penawaran, pengurusan serta pelaporan dana wakaf ini akan dibuat dengan lebih tersusun, profesional dan telus.

"Perkara ini membolehkan

para pewakaf mengetahui mengenai perkembangan pembangunan di Larkin Sentral seperti dijanjikan.

"Secara tidak langsung, ia juga menjadi satu contoh inovasi baha-

ru dalam usaha memastikan sistem wakaf dapat terus diperkasa dengan tadbir urus yang lebih baik, daripada sebelumnya," katanya.

Menurutnya, Larkin Sentral Property Berhad menawarkan 850 juta unit saham baharu bernilai RM0.10 setiap saham kepada institusi-institusi dan orang awam yang kemudiannya akan mewakafkan saham berkenaan kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad melalui Hujjah Wakaf.

Katanya, antara insentif ditawarkan adalah pewakaf individu akan mendapat potongan cukai sehingga tujuh peratus manakala pewakaf institusi pula mendapat potongan sehingga 10 peratus daripada pendapatan agregat masing-masing.

Waqaf An-Nur Corporation Berhad merupakan entiti yang ditubuhkan oleh JCorp dan dilantik sebagai nazir khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (Maij).